

Headline	Gangguan bekalan elektrik di Jalan Gaya telah diatasi		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	20 Nov 2013	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	5	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	187 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 385
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,155



Gangguan bekalan elektrik di Jalan Gaya telah diatasi

THE Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) telah bertindak pantas terhadap aduan yang dibangkitkan oleh beberapa pengusaha kedai di Jalan Gaya di bandar berkenaan kegagalan kuasa yang berlaku yang hanya menjejaskan premis mereka.

Masalah mereka ini telah disiarkan di muka surat 5 pada 14 November selepas seorang wakil peniaga yang terjejas menghubungi Hotline sehari sebelum itu.

Kedai yang terdiri daripada kedai makan, kedai emas, kedai serbaneka dan lain-lain mengalami kegagalan kuasa yang kerap sementara premis lain di barisan atau blok yang sama tidak terjejas.

Seorang jurucakap SESB berkata gangguan bekalan elektrik berlaku disebabkan beban voltan berlebihan akibat peningkatan penggunaan elektrik di kawasan itu.

"Kami mendapati fuis di substesen berdekatan kerap meletup dan ini yang menyebabkan bekalan terputus beberapa kali," katanya menjelaskan.

Katanya kerja membaik pulih di substesen telah siap kira-kira jam 4.50 petang pada 13 Nov.

"Semua pengguna dinasihatkan untuk menggunakan sepenuhnya bahagian aduan rasmi kami 1-5454 atau 088-515000 jika bekalan tiba-tiba terputus di kawasan itu," katanya.

Katanya semua aduan yang disalurkan kepada bahagian rasmi akan

diberikan perhatian secepat mungkin.

"Situasi ini membingungkan kami kerana syarikat berkenaan boleh menerima laporan yang kami kemukakan kepada bahagian aduan mereka di 1-5454 beberapa kali sebelum ini," kata HAW yang bercakap bagi pihak pemilik kedai berkenaan.

Katanya satu daripada sebab aduan itu dikemukakan adalah kerana gangguan kuasa itu telah menjejaskan dengan teruk pendapatan harian mereka.

"Kami tidak dapat menggunakan barangan elektrik disebabkan kegagalan kuasa itu," katanya menambah, unit penyaman udara kipas siling, mesin daftar tunai, mesin faks, telefon yang menggunakan elektrik, televisyen, dan barangan elektrik lain tidak dapat digunakan setiap kali gangguan itu berlaku.

Beberapa hari sebelum itu, katanya, kegagalan kuasa telah berlanjutan lebih daripada dua jam.

"Ia agak memalukan kami apabila ada pelancong asing berada dalam kedai kami ketika kegagalan kuasa itu berlaku," dia menambah.

Katanya kegagalan kuasa terbaru adalah pada 12 November jam 10 pagi.

"Ia belum dipulihkan ketika kita bercakap sekarang ini," katanya ketika memberitahu hotline pada 12 November jam 3.10 petang. (OV)